



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

MESYUARAT MExUNITY

BIL 2/2024

**10 OKTOBER 2024 (KHAMIS)
9.30 PAGI**

HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

***disediakan secara berasingan**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin rakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Masyarakat Sarawak, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, YB EXCO-EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO-EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam ke mesyuarat MExUnity kali kedua ini.
2. Kementerian Perpaduan Negara telah sentiasa memberikan tumpuan dalam meningkatkan **semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, kasih sayang, kesukarelawan dan muhibbah** dalam kalangan rakyat Malaysia.
3. Fokus KPN adalah untuk **mewujudkan platform integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.**

PENCAPAIAN INISIATIF BAHARU

4. Untuk makluman semua Yang Berhormat, Kementerian telah menjalankan dan menggerakkan beberapa inisiatif sejak Januari hingga Oktober ini. Antara inisiatif atau program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

I. **Pemeriksaan Rukun Tetangga Progresif -**

Melalui Bajet 2023, sejumlah RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti. Pemeriksaan KRT ini adalah menerusi lapan bidang tumpuan akan diberi fokus iaitu ekonomi sara hidup; keselamatan dan ketahanan komuniti; kepimpinan; kesejahteraan komuniti; pembelajaran sepanjang hayat; alam sekitar; warisan dan budaya serta daya cipta.

Tahun ini, sebanyak **121 KRT telah mencapai status sebagai KRT Progresif** melalui bantuan yang disediakan oleh Kementerian dan JPNIN. Ini juga melepasi sasaran awal iaitu 116 KRT.

- II. **Sambutan Minggu Perpaduan** – Sambutan ini telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara dan Negeri Johor sebagai tuan rumah. Saya juga ingin mengumumkan bahawa Kementerian telah memilih **Negeri Pulau Pinang sebagai tuan rumah Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025.**
- III. **Inisiatif Harmoni Madani-** Pada April 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Inisiatif Harmoni Madani dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima.
- ❖ **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 9 lokasi iaitu W.Persekutuan Labuan, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah
 - ❖ **Dialog Harmoni** – dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Sabah yang juga melibatkan kerjasama Jawatankuasa HARMONI dan Pertubuhan Agama.

❖ **Podcast: Bicara HARMONI** – yang mengetengahkan konsep perkongsian nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

❖ **Dokumentari HARMONI** - 6 siri dokumentari

IV. **Liga Sukan Uniti** - Program yang telah memasuki tahun ketiga ini melibatkan tiga acara sukan utama: bola jaring, futsal, dan badminton. Program ini dijangka menarik lebih daripada **4,000 pasukan** yang terdiri daripada **40,000 peserta** dari seluruh negara.

V. **Penghayatan Rukun Negara** – Dalam usaha membudayakan pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian, Kementerian dan Jabatan telah melaksanakan Eksplorasi Rukun Negara, Kem Perpaduan Anak Malaysia, Program Kenali Budaya Kita, Program Raja Kita Payung Kita, Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara, Kem Jalinan Integrasi Nasional, Debat Perpaduan, Duta Perpaduan, dan sebagainya.

- VI. **Karnival Baca Perdana** - Karnival Baca Perdana 2024 merupakan program yang julung kalinya diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Karnival ini akan berlangsung sepanjang bulan Oktober dengan tema “Perpaduan Melalui Pembacaan”.
- VII. **Citra Nusa Muzium** - Menerusi program yang memasuki tahun kedua ini, muzium berperanan sebagai *guardian of heritage* yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi sejarah, warisan, seni dan budaya. Ia termasuklah Festival Hari Muzium Antarabangsa, Citra Nusa@Muzim Arkeologi Lembah Bujang, Persidangan Antarabangsa: Ketamadunan Lembah Bujang dari Perspektif Yi-Jing (I-Thing) Abad ke-7 dan Program Bermalam di Muzium serta Citra Nusa@Indonesia.
- VIII. **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional** - Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia. Beberapa resolusi telah dikemukakan melalui

konvensyen yang sedang dalam pertimbangan kerajaan antaranya penubuhan Majlis Sejarawan Negara dan usaha membawa balik bahan sejarah dari luar negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

BAJET 2025

5. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merangka lima keutamaan menerusi Inisiatif Bajet berjumlah RM290 juta untuk pertimbangan Kementerian Kewangan (MoF) dalam Belanjawan 2025. Lima keutamaan itu ialah:

- I. **Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian** - melibatkan pelaksanaan agenda perpaduan nasional, integrasi serta keharmonian;
- II. **Kesejahteraan Komuniti** - peranan KRT, Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, Tabika dan Taska Perpaduan akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) dalam komuniti;

III. **Pendigitalan dan Teknologi** - Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara;

IV. **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan** - Melestarikan perpaduan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara; dan

V. **Penambahbaikan Infrastruktur Perpaduan** - Premis - Premis Perpaduan diberikan tumpuan melibatkan perkhidmatan kepada orang awam terutamanya berkaitan skop pembaikan dan penyelenggaraan bangunan agensi-agensi di bawah KPN.

6. Justeru, saya juga ingin memaklumkan kepada hadirin sekalian bahawa dua fokus utama Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2025 adalah **Pemeriksaan Rukun Tetangga Progresif** dan **Inisiatif Harmoni MADANI**.

7. Sehubungan dengan itu, Kementerian menyasarkan sebanyak **500 KRT akan diperkasakan sebagai KRT Progresif** yang mampu menjadi contoh dalam menangani isu kos sara hidup dan pelaksanaan projek ekonomi komuniti.

8. Manakala di bawah Inisiatif Harmoni MADANI, kesemua program akan diteruskan dengan skala yang lebih besar serta melibatkan semua negeri. Selain itu, beberapa program baru juga akan dilaksanakan seperti Kempen Kesedaran Keharmonian, Festival Budaya dan Agama, Jamboree Keharmonian (outdoor aktiviti), Dokumentari Kisah Perpaduan, Projek Film Pendek Harmoni dan sebagainya. Sebagai anjakan baharu, saya juga telah meminta agar **Mesyuarat Pengurusan Isu Perpaduan** mulai tahun depan dipengerusikan oleh saya sendiri.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

ISU PERPADUAN

9. e-Sepakat diperkenalkan sebagai **mekanisme dalaman JPNIN bertujuan untuk gerak kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual**. Penggunaan sistem ini melibatkan **peranan pengguna (user) di kalangan Pegawai Perpaduan di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat** secara menyeluruh.

10. JPNIN mengesan dan memantau isu 3R melalui pengumpulan maklumat menggunakan Sistem e-Sepakat berdasarkan kluster isu perpaduan di bawah:

- I. **Agama**
- II. **Kenyataan Berbaur Kebencian**
- III. **Perkauman**

11. Statistik Isu 3R adalah seperti berikut:

- I. **Suku Tahun Pertama 2024 (ST1/2024) : 47 kes**
- II. **Suku Tahun Kedua 2024 (ST2/2024) : 63 kes**

12. Untuk makluman semua, baru-baru polemik penempatan pegawai JAKIM di Jabatan dan Kementerian telah diselesaikan secara muhibbah melalui perjumpaan saya dan Menteri Agama bersama Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST).

13. Pelantikan kader JAKIM sejak 2006 adalah berdasarkan perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi permohonan daripada Kementerian dan Jabatan kerajaan untuk melaksanakan fungsi hal ehwal Islam sahaja.

14. Ketika ini terdapat seramai 1,250 orang kader JAKIM yang menjalankan fungsi perkhidmatan seperti aspek pembangunan insan merangkumi bimbingan fardu ain dan fardu kifayah, keselamatan (kelas agama, pengukuhan akidah, bendung fahaman/ekstrimisme) dan aspek pencegahan meliputi bimbingan dan nasihat agama termasuk kelas al-Quran dan fardu ain.
15. Saya juga telah memohon agar semua wakil agama dapat memanfaatkan Biro Pengurusan Isu dan Mediasi dalam mencari solusi kepada isu atau sebarang polemik berkaitan. Biro tersebut terletak di bawah Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI).

PENUTUP

16. Tahun ini, Kementerian sedang melaksanakan **Indeks Perpaduan Nasional 3.0 (IPNas 3.0)** dengan menyasarkan kenaikan **kepada 0.7 menjelang 2025**. Saya berharap agar dengan komitmen dan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mampu mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.